



**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**KEJADIAN TANAH RUNTUH BATANG KALI**

1. Saya amat prihatin dengan insiden tanah runtuh yang berlaku pada kira-kira jam 2.24 pagi, 16 Disember 2022 di tapak perkhemahan yang terletak di Father Organic Farm, Jalan Genting, Batang Kali. Saya telah mengarahkan pasukan pegawai penyiasat daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk mendapatkan maklumat segera mengenai kejadian tersebut.
2. Walaupun demikian pasukan penyiasat JKKP belum dibenarkan untuk mengakses lokasi kejadian oleh pihak keselamatan kerana pasukan keselamatan pada masa ini masih memberi tumpuan kepada usaha mencari dan menyelamatkan.
3. Hasil daripada maklumat awal yang diperolehi, saya telah dimaklumkan bahawa kemalangan berkenaan terletak di luar bidang kuasa JKKP berdasarkan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) kerana kes ini lebih menjerus kepada kejadian bencana alam.
4. Namun begitu, JKKP akan menjalankan siasatan lanjut pada kadar segera sekiranya terdapat petunjuk yang menunjukkan terdapatnya aktiviti pekerjaan yang menyebabkan berlakunya kemalangan tersebut setelah mendapat kebenaran daripada pihak keselamatan untuk mengakses lokasi kejadian.
5. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa memandang serius setiap kemalangan dan penyakit pekerjaan berpunca daripada aktiviti pekerjaan termasuk kes kejadian berbahaya yang berlaku di sektor pelancongan. Kementerian menerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan JKKP komited untuk terus meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Negara ini termasuk di dalam sektor pelancongan.

**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**16 DISEMBER 2022**